UDA HOLDINGS BERHAD
(347508-T)

KENYATAAN MEDIA

Kuala Lumpur, 17 Jun 2016 – UDA Holdings Berhad baru – baru ini telah menunaikan tanggungjawab kebajikannya dengan penyerahan bantuan kepada 500 asnaf di kawasan Parlimen Wangsa Maju. Majlis ini bersempena dengan Perasmian Surau At – Taqwa yang telah disempurnakan oleh YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia.

Di majlis berkenaan YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak Perdana Menteri Malaysia telah pun menandatangani plak perasmian surau dan memberi wang zakat sebanyak RM100.00 seorang kepada asnaf dan seterusnya menunaikan solat Jumaat.

UDA telah memperuntukkan sebanyak RM100,00.00 wang zakat untuk disumbangkan kepada 1,000 orang asnaf di kawasan Parlimen Wangsa Maju. Seramai 500 orang asnaf telah menerima wang zakat tersebut di majlis Perasmian Surau At - Taqwa dan 500 orang asnaf yang lain akan menerima wang zakat tersebut di majlis 'Indahnya Ramadan 2016' di Masjid Jamek Saad Bin Abi Waqqas, Batu 4, Gombak.

Turut hadir ke majlis adalah Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom, Pengerusi UDA Holdings Berhad, YBhg Dato' Dr. Mohd Shafei Abdullah.

Khutbah pada hari berkenaan telah disampaikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom.

Semoga dengan pemberian bantuan ini dapat meringankan beban penerima menjelang bulan Syawal ini.

-tamat-

MENGENAI UDA HOLDINGS BERHAD

UDA Holdings Berhad (UDA), merupakan salah satu organisasi pembangunan hartanah dan pengurusan aset yang mampan dan terkemuka di negara ini. Aktiviti utama syarikat termasuk pembangunan tanah, pengurusan harta dan fasiliti, kompleks beli-belah serta industri pelancongan. UDA telah bertapak kukuh dalam membentuk dan memodenkan Kuala Lumpur, Lembah Klang dan bandar-bandar utama lain di Malaysia sejak tahun 1971.

Untuk maklumat lanjut mengenai UDA, sila layari www.uda.com.my.

Sebarang pertanyaan media, sila hubungi:

Puan Radziah Mohamed Fadzil
Komunikasi Korporat
UDA Holdings Berhad
Blok Menara, Tingkat 6
Kompleks Pertama, Jalan Tuanku Abdul Rahman
50100 Kuala Lumpur
Tel : 03- 2730 8595 samb. 8595
Fax : 03- 2731 2855
Email : radziah@udanet.com
H/P : 017-337 7630

Nor Akmalia Husaini @ Intan
Komunikasi Korporat
UDA Holdings Berhad
Blok Menara, Tingkat 6
Kompleks Pertama, Jalan Tuanku Abdul Rahman
50100 Kuala Lumpur
Tel : 03-2730 8500 samb. 8011
Fax : 03-2731 2855
Email : akmalia@udanet.com
H/P : 012-7101102